# ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

TAJUK PROJEK

# MANUAL PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG FAST TRACK INDUSTRI






**PENAUNG**

**TPR. HJH YUSRINA BT MOHAMAD YUSOF**

**PENASIHAT**

**TPR. MOHD FAUZI BIN BURHAM**

**FASILITATOR :**

**NORHAYATI BINTI MOHD LADZIM**

**AHLI KUMPULAN**

**MOHAMAD ZALIFF HAIKAL BIN MOHD ZAKI**
**DZULKHAIRIL BIN MOHAMAD MISKAN**
**AIDA SYAFIQAH BINTI SHAIFOL SUKRI**
**MOHD SHARIL BIN HARUN**
**NUR SYAHIRA BINTI AZHEAR**


E FASTRIES

SELANGOR

MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

| ISI KANDUNGAN | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | | |
| | PENGENALAN KUMPULAN | i |
| | KETERANGAN PROJEK | i |
| | | |
| **1.0** | **PENGENALAN** | 1 |
| | **1.1 LATAR BELAKANG RINGKAS PERKHIDMATAN** | 1 |
| | **1.2 LATAR BELAKANG RINGKAS JABATAN BANDAR DAN DESA** | 3 |
| | **1.3 LATAR BELAKANG KUMPULAN E FASTRIES** | 4 |
| | | |
| **2.0** | **PENERANGAN HASIL INOVASI** | 5 |
| | **2.1 RINGKASAN HASIL INOVASI** | 5 |
| | **2.2 TARIKH INOVASI DIHASILKAN** | 7 |
| | **2.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF PROJEK INOVASI** | 8 |
| | 2.3.1 Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022-2026 | 9 |
| | 2.3.2 Misi, Objektif Dan Strategik Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) | 9 |
| | 2.3.3 Peringkata Kerajaan Persekutuan – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) | 9 |
| | 2.3.4 Rancangan Selangor Pertama 2021-2025 | 10 |
| | 2.3.5 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (RSN) | 10 |
| | 2.3.6 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa | 10 |
| | 2.3.7 Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP) | 10 |
| | 2.3.8 Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder) | 11 |
| | 2.3.8.1 Peringkat Agensi | 11 |
| | 2.3.9 Kaitan Dengan Keadaan Ekosistem Semasa | 11 |
| | 2.3.9.1 Perubahan Ekonomi Global | 11 |
| | **2.4 PROSES PELAKSANAAN INOVASI** | 12 |
| | **2.5 PROSES SEBELUM DAN SELEPAS** | 13 |
| | 2.5.1 Sebelum Projek | 13 |
| | 2.5.2 Selepas Projek | 27 |
| | **2.6 ELEMEN PENURUNAN KUASA** | 31 |
| | **2.7 KUMPULAN SASAR DAN SKOP LIPUTAN** | 32 |
| | **2.8 IMPAK INOVASI TERHADAP KUMPULAN SASAR** | 32 |
| | 2.8.1 Elemen Inovatif / Kreatif | 32 |
| | 2.8.2 Elemen Memperkukuhkan / Penyelesaian Masalah | 33 |
| | 2.8.3 Elemen Keberkesanan | 35 |
| | 2.8.4 Elemen Signifikan | 36 |
| | 2.8.5 Elemen Relevan | 38 |
| | 2.8.6 Implikasi Kewangan | 41 |
| | | |
| **3.0** | **PENUTUP** | |

| SENARAI JADUAL | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | | |
| Jadual 1.1 | Penyataan Masalah | |
| Jadual 2.1 | Matriks Keutamaan | 13 |
| Jadual 2.2 | Pengumpulan Data Sebelum Projek | 15 |
| Jadual 2.3 | Penetapan Sasaran Outcome Dan Impak | 15 |
| Jadual 2.4 | Sasaran Dan Impak Projek | 16 |
| Jadual 2.5 | Emphatize | 17 |
| Jadual 2.6 | Define | 18 |
| Jadual 2.7 | Ideate | 18 |
| Jadual 2.8 | Carta Perbatuan Pelan Tindakan Inovasi | 19 |
| Jadual 2.9 | Permohonan Fast Track | 21 |
| Jadual 2.10 | Perincian Hasil Ujicuba Pertama Manual Permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri | 22 |
| Jadual 2.11 | Carta Perbatuan Pelan Tindakan Pembangunan Inovasi | 23 |
| Jadual 2.12 | Cadangan Penambahbaikan | 26 |
| Jadual 2.13 | Kajian Keberkesanan Dan Kecekapan Penggunaan Fast Track | 29 |
| Jadual 2.14 | Sasaran Outcome | 29 |
| Jadual 2.15 | Pencapaian Pembuktian | 30 |
| Jadual 2.16 | Agensi Terlibat | 32 |
| Jadual 2.17 | Produktiviti Manual Fast Track | 35 |
| Jadual 2.18 | Kos Manual Fast Track | 35 |
| Jadual 2.19 | Penyampaian Perkhidmatan | 36 |
| Jadual 2.20 | Elemen Relevan | 38 |

| SENARAI RAJAH | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | | |
| Rajah 1.1 | Latar Belakang Majlis Bandaraya Diraja Klang | 1 |
| Rajah 1.2 | Misi Dan Visi Majlis Bandaraya Diraja Klang | 2 |
| Rajah 1.3 | Carta Organisasi Majlis Bandaraya Diraja Klang | 2 |
| Rajah 1.4 | Carta Organisasi Jabatan Perancang Bandar Dan Desa | 3 |
| Rajah 1.5 | Kumpulan E Fastries | 4 |
| Rajah 1.6 | Penerangan Logo Kumpulan | 5 |
| Rajah 2.1 | Mesyuarat Yang Terlibat | 7 |
| Rajah 2.2 | Matlamat Sustainable Development Goal | 9 |
| Rajah 2.3 | Rancangan Selangor Pertama 2021-2025 | 10 |
| Rajah 2.4 | Pelan Tindakan Pembangunan Projek | 12 |
| Rajah 2.5 | Senarai Pendek Masalah | 13 |
| Rajah 2.6 | Teknik 5W 1H | 14 |
| Rajah 2.7 | Kepuasan Pelanggan | 14 |
| Rajah 2.8 | Design Thinking | 16 |
| Rajah 2.9 | Teknik Scamper | 19 |
| Rajah 2.10 | Pelan Tindakan Pembangunan Projek | 20 |
| Rajah 2.11 | Carta Alir Proses Kerja | 20 |
| Rajah 2.12 | Perbezaan Proses Permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri | 20 |
| Rajah 2.13 | Pelan Tindakan Pembangunan Projek Ujicuba Kedua | 23 |
| Rajah 2.14 | Carta Alir Proses Kerja | 24 |
| Rajah 2.15 | Prototaip Ujicuba 2 | 24 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 2.16 | Pembangunan Sistem Permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri | 25 |
| Rajah 2.17 | Kepuasan Pelanggan Penggunaan Manual Fast Track | 27 |
| Rajah 2.18 | Latihan Dan Penerangan Penggunaan Sistem Permohonan Kebenaran Merancang Industri | 27 |
| Rajah 2.19 | Sesi Libat Urus Bersama Agensi Teknikal, Stakeholder Dan Pemain Industri | 28 |
| Rajah 2.20 | Pembuktian Hakcipta Di MYIPO | 28 |
| Rajah 2.21 | Kumpulan Sasaran Dan Faedah | 32 |
| Rajah 2.22 | Maklumbalas Daripada MIDA Dan Invest Selangor | 33 |
| Rajah 2.23 | Pembangunan Sistem Permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri | 34 |
| Rajah 2.24 | Perbezaan Proses Permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri | 36 |
| Rajah 2.25 | Pencapaian Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) | 39 |
| Rajah 2.26 | Sisten Fast Track | 42 |

## PENGENALAN KUMPULAN

| | | |
|---|---|---|
| Nama Kumpulan | : | E Fastries |
| Nama Jabatan | : | Jabatan Perancang Bandar dan Desa |
| Nama Organisasi | : | Majlis Bandaraya Diraja Klang,<br>Lot No. 2-12 (1-B), Aras 1,<br>Majlis Bandaraya Diraja Klang @ Jalan Raya Barat,<br>41000 Klang Bandar Diraja.<br>Selangor Darul Ehsan. |
| No Telefon | : | 03 – 3375 7850 |
| No. Faks | : | 03 – 3371 0690 |
| E-mail | : | kikefastries@gmail.com |
| Tarikh Penubuhan | : | 5 Januari 2022 |
| Bilangan Ahli | : | 5 Orang |
| Penaung | : | TPr. Hjh Yusrina Bt Mohamad Yusof |
| Penasihat | : | TPr. Mohd Fauzi Bin Burham |
| Fasilitator | : | Norhayati Binti Mohd Ladzim |
| Ketua Kumpulan | : | Mohamad Zaliff Haikal Bin Mohd Zaki |
| Pen. Ketua Kumpulan | : | Dzulkhairil Bin Mohamad Miskan |
| Ahli Kumpulan | : | Aida Syafiqah Binti Shaifol Sukri<br>Nur Syahira Binti Azhear |

## KETERANGAN PROJEK

| | | |
|---|---|---|
| Nama Projek | : | **Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** |
| Kategori Projek | : | *Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) – Primer* |
| Keterangan Projek | : | Merupakan inisiatif untuk mewujudkan satu manual prosedur atau proses kerja permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri yang mudah, cepat dan efisien serta memudahkan pemantauan permohonan Kebenaran Merancang bagi mengatasi isu kelewatan dan mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan. |

Penyataan Masalah : Prosedur dan proses kerja semasa yang digunakan mengambil masa yang lama untuk kelulusan kerana perlu mendapatkan 12 ulasan jabatan teknikal sebelum permohonan diproses. Selain itu juga, permohonan Kebenaran Merancang tidak dapat dipantau dengan baik secara konsisten dan kesukaran untuk menyemak rekod-rekod permohonan. Pernyataan masalah melibatkan tiga (3) pihak iaitu:

Jadual 1.1: Penyataan Masalah

| Perunding | Invest Selangor Berhad (Agensi) | Majlis Bandaraya Diraja Klang (Organisasi) |
|---|---|---|
| i. Pihak perunding perlu menyediakan dokumen permohonan seperti permohonan – permohonan Kebenaran Merancang yang lain.<br><br>ii. Keperluan untuk mendapatkan 12 ulasan jabatan teknikal bagi kelulusan Kebenaran Merancang Kawasan industri.<br><br>iii. Proses kelulusan Kebenaran Merancangan yang mengambil masa yang Panjang iaitu 57 hari.<br><br>iv. Pemilik tanah/ perunding perlu menunggu sehingga kelulusan Kebenaran Merancang (berasingan) selesai sebelum pelan-pelan pemajuan yang lain dikemukakan untuk kelulusan.<br><br>v. Kesukaran membuat semakan status pemohonan KM. | i. Tempoh mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang di kawasan industri yang terlalu Panjang.<br><br>ii. Keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Mesra Projek “Foreign & Domestic Investment bagi menyelaras isu kelewatan mendapatkan ulasan jabatan teknikal bagi pelan pemajuan industri (permohonan kebenaran merancang). | i. Peningkatan permohonan industri di kawasan yang telah mempunyai “Master Plan” dan yang tidak mempunyai “Master Plan”<br><br>ii. Keperluan untuk mendapatkan semua ulasan jabatan teknikal yang akan mengambil masa dan menyebabkan kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang.<br><br>iii. Keperluan untuk menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Mesra Projek *Foreign & Domestic Investment* yang diurusetiakan oleh pihak Invest Selangor ekoran daripada isu kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang di kawasan industri.<br><br>iv. Keperluan untuk memantau permohonan KM industri bagi mengelakkan kelewatan. |

# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 LATAR BELAKANG RINGKAS PERKHIDMATAN

Penguasa Tempatan Klang telah ditubuhkan pada bulan Mei 1890 yang ketika itu dikenali sebagai Lembaga Kesihatan Klang untuk mentadbir Bandar Klang. Sempadan rasmi telah ditetapkan pada tahun 1895. Manakala pada tahun 1926, kawasannya telah digabungkan dengan *Port Swettenham* dan pada bulan Disember 1945 telah diubah menjadi Lembaga Bandaran Klang.

Perubahan dalam pentadbiran seterusnya berlaku apabila terbentuknya Majlis Bandaran Klang pada tahun 1954. Dengan sistem pentadbiran ini, Klang membangun dengan pesatnya sehingga pada tahun 1971 apabila Pelabuhan Klang, Kapar dan Meru telah dirangkumkan menjadi Majlis Daerah Klang.

Dengan berkuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan penyusunan semua penguasa tempatan, Majlis Daerah Klang telah dinaikkan ke taraf yang ada iaitu Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 1 Januari, 1977.

Dan seterusnya Majlis Perbandaran Klang telah dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Diraja Klang pada 23.11.2023




*Sumber: Laman Sesawang Majlis Bandaraya Diraja Klang*

Rajah 1.1: Latar Belakang Majlis Bandaraya Diraja Klang

Pihak Majlis telah menetapkan Visi dan Misi Majlis dalam merealisasikan halatuju Majlis selaku Badaraya Diraja yang mampan dan berdaya saing.




Rajah 1.2: Misi dan Visi Majlis Bandaraya Diraja Klang




Rajah 1.3: Carta Organisasi Majlis Bandaraya Diraja Klang

## 1.2 LATAR BELAKANG RINGKAS JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancang Bandar & Desa adalah sebuah jabatan yang diwujudkan pada tahun 1984. Diperingkat awal penubuhannya jabatan ini diletakkan di bawah Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan sebagai unit kecil. Jabatan ini bertangungjawab dalam mengawal pembangunan seluruh Daerah Klang bagi membentuk satu kawasan perbandaran yang dinamik, terancang dan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang cemerlang dengan mutu kehidupan dan suasana persekitaran yang bersih dan menarik.




Rajah 1.4 : Carta Organisasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perancang Bandar & Desa sentiasa memastikan pembangunan di Daerah Klang dirancang secara komprehensif dengan penyediaan pelan perancangan jangka panjang iaitu **Rancangan Struktur** dan **Rancangan Tempatan** serta dikawal dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Jabatan juga menerima pakai kaedah, Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor serta mematuhi polisi dan dasar serta Pekeliling Negeri dari semasa ke semasa dalam melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri bagi membentuk satu perancangan bandar yang baik dalam masyarakat yang harmoni.

Fungsi Jabatan adalah seperti berikut:-

i. Memproses permohonan Kebenaran Merancang (KM) - Kebenaran Merancang tukar guna bangunan, permohonan Kebenaran Khas Gated & Guarded, Pelan Pra Hitung, Tukar Syarat, Pecah Bahagian dan Penyatuan Tanah, Permohonan Tanah Keraajaan, Penamaan Taman, nama jalan dan penomboran bangunan.

ii. Membuat pemantauan berkala ke atas aktiviti pemajuan tanah yang dimula dan dijalankan tanpa Kebenaran Merancang dan melanggar syarat kelulusan Kebenaran

Merancang serta mengambil tindakan undang–undang ke atas kesalahan tersebut dengan merujuk seksyen 19, Akta 172.

iii. Menyediakan aplikasi GIS untuk membantu dan memantau proses kerja Jabatan

iv. Menyediakan Pelan jangka masa panjang yang komprehensif iaitu Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas/ Pelan Tindakan/ Pelan Induk di dalam kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK).

v. Menyelaras dan membantu program-program menggalak pelaburan Daerah Klang bagi menarik pelabur masuk ke dalam Daerah Klang.

vi. Menyediakan inventori dan pelan kemudahan awam, pewartaan kawasan lapang dan menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor.

vii. Merancang, menyelaras serta melaksanakan program Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Projek Elemen Fizikal Bandar Selamat, Program Pemuliharaan Sungai dan Pantai Klang, Bandar Mampan (MURNInets) dan Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar Klang.

## 1.3 LATAR BELAKANG KUMPULAN E FASTRIES

Kumpulan **E Fastries** telah ditubuhkan pada 5 Januari 2022 dan mempunyai ahli seramai 5 orang yang dilantik dan ahli kumpulan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Majlis Bandaraya Diraja Klang. Pelantikan kumpulan ini bertujuan bagi mendapatkan dan mencari idea inovasi bagi menambahbaik perkhidmatan sediada serta melahirkan kakitangan yang lebih cekap, kreatif dan efisien.



Rajah 1.5: Kumpulan E Fastries

Penerangan nama kumpulan dan logo adalah seperti berikut:

**E** adalah ringkasan kepada perkataan “Effective, Efficient, Effectual” iaitu bermaksud kelancaran memudahkan proses Kebenaran Merancang melalui pemantauan sistem E Fastries.

**F** Fastries adalah ringkasan daripada perkataan “Fast” iaitu Cepat permohonan Kebenaran Merancang Industri.




Rajah 1.6: Penerangan Logo Kumpulan

## 2.0 PENERANGAN HASIL INOVASI

### 2.1 RINGKASAN HASIL INOVASI

Penghasilan projek **Manual Permohonan Kebenaran Merancang “Fast Track” Industri** merupakan cetusan idea Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang berkenaan isu kelewatan memproses Permohonan Kebenaran Merancang di kawasan industri. Punca masalah utama adalah kelewatan untuk mendapatkan ulasan daripada 12 agensi teknikal sebelum permohonan Kebenaran Merancang industri diproses. Sesi ‘’brainstorming’’ diadakan bagi membincangkan bagi mencari penyelesaian yang berkesan.

Projek inovasi **Manual Permohonan Kebenaran Merancang “Fast Track” Industri** selaras dengan fungsi selaras dengan fungsi jabatan-jabatan Majlis Bandaraya Diraja Klang di dalam menambahbaik dan meningkatkan mutu kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan.

Projek ini juga akan meningkatkan dan memberi nafas baru kepada perkembangan halatuju Industri di daerah Klang, peringkat negeri dan peringkat negara di dalam memastikan pertumbuhan ekonomi kukuh dan stabil dengan peningkatan kemasukkan pelabur / pemain industri dari dalam negara atau luar negara.

Projek ini adalah bertepatan dan menyokong halatuju:

i. Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026
ii. Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP)
iii. Rancangan Selangor Pertama (RS1)
iv. Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN 2035)
v. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan industri – memudahcara urusan komuniti perniagaan dan para pelabur dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan.

Tindakan penyelesaian bagi mengatasi isu kelewatan adalah melalui **kaedah dengan tidak perlu mendapat ulasan daripada agensi teknikal dengan syarat permohonan mempunyai pelan induk Kebenaran Merancang yang telah diluluskan** oleh pihak Majlis dengan mengambilkira perkara seperti berikut:-

a) Mempunyai pelan lulus kerja tanah bagi pelan induk

b) Mempunyai kelulusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JASS)

c) Mempunyai surat kelulusan TIA dan RSA.

d) Mempunyai tapak Pembangunan yang telah menyediakan kemudahan infrastruktur dan rizab infra telah diserahkan kepada Kerajaan

e) Mempunyai suratan hakmilik individu.

Penghasilan projek ini mengambil masa selama **16 minggu** bermula Januari 2022 sehingga April 2022. Projek ini direka dengan menggabungkan beberapa cadangan melalui teknik dan elemen **SCAMPER**. Tindakan ujicuba telah dilaksanakan dengan menggunakan teknik (EMEA) *"Error Mode Effect Analysis''* bagi mengenalpasti keputusan kegagalan dan kaedah penambahbaikan.

Hasil daripada **Manual Permohonan Kebenaran Merancang "Fast Track" Industri** ini telah memberi impak seperti berikut:-

1. Dari segi proses kerja, pelaksanaan Manual Permohonan Kebenaran Merancang "Fast Track" industri telah dapat mengurangkan tempoh masa daripada 57 hari kepada 30 hari sahaja. Jumlah kakitangan yang terlibat di dalam proses kerja dapat dikurangkan daripada 2 orang kepada 1 orang. Oleh itu, pengurangan ini dapat menjimatkan sumber tenaga dan kos emolumen. Hasil pendapatan jabatan juga meningkat dengan penjualan Manual tersebut. Kelulusan permohonan KM industri dapat dipantau secara konsisten termasuk rekod-rekod permohonan dapat diurus dengan baik melalui

2. Pemilik tanah/pelabur / pemain industri dan perunding boleh mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang tanpa menunggu ulasan daripada jabatan teknikal dan secara tidak langsung dapat mempercepatkan pelaksanaan projek di tapak.

3. Pendapatan Majlis untuk industri meningkat daripada tahun 2022 iaitu RM 83,366,857.74 kepada RM 94,027,471.14 pada tahun 2023.

4. Permohonan Kebenaran MErancang Industri dapat dipantau melalui Sistem Permohonan Kebenaran merancang 'Fast Track'Industri.

5. Kedudukan dan imej Majlis semakin meningkat kerana dapat menyelesaikan masalah kelewatan memproses. Penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan cepat, mudah dan efisien kearah mencapai kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif di peringkat Majlis, negeri dan kebangsaan.

Tatacara penggunaan Manual Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Perindustrian Secara "Fast Track" Di Kawasan Majlis Perbandaran Klang telah didaftarkan sebagai cop hakmilik Majlis (*copyright)* di Perbadanan Harta Intelektual Malaysia pada 24 April 2024.

Pelaksanaan Manual ini telah digunapakai oleh kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, MBDK bagi memproses permohonan Kebenaran Merancang skim industri secara 'Fast-Track' pada masa kini. Manual ini telah mendapat maklumbalas yang baik daripada pemilik tanah / perunding dan agensi-agensi penggalak pelaburan (industri).

## 2.2 TARIKH INOVASI DIHASILKAN

Projek Inovasi Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Tack' industri bermula pada **Januari 2022** yang dibangunkan oleh Kumpulan E Fastries daripada Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Kumpulan E Fasries telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan inovasi ini dan pembentukan kumpulan ini telah mendapat kelulusan daripada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri telah diluluskan merujuk kepada mesyuarat seperti berikut:




Rajah 2.1: Mesyuarat Yang Terlibat

Projek ini telah mendapat perhatian daripada pihak pengurusan Majlis Bandaraya Diraja Klang bagi mengatasi masalah kelewatan memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan di kawasan industri untuk memastikan matlamat pihak pengurusan tercapai untuk memastikan proses secara cepat, cekap dan mudah. Sokongan daripada pihak Pengurusan seperti:

i. Surat pelantikan Ketua Kumpulan dan ahli Kumpulan seperti di **(Lampiran 1)**.
ii. Pemberian latihan dan kursus Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dilaksanakan pada 16 - 17 Februari 2023. **(Lampiran 2)**

## 2.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF PROJEK INOVASI

Peranan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan ke 12 antarabangsa telah menjadikan Pelabuhan Klang sebagai hub pelabuhan utama negara. Penawaran tanah industri di Daerah Klang juga salah satu faktor menjadikan Klang sebagai pusat tarikan kawasan industri oleh pelabur tempatan atau luar negara.

Tidak dinafikan penyumbang utama hasil Majlis Bandaraya Diraja Klang adalah melalui pembukaan dan aktiviti kawasan industri. Oleh yang demikian, aspek penyampaian perkhidmatan kepada pemain industri adalah menjadi keutamaan dan pihak pengurusan memandang serius berkenaan hal ini untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan haruslah **cepat, mudah dan efisien** selaras dengan manual dan garispanduan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, pihak pengurusan amat mengalakkan inovasi di dalam menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang awam khususnya kepada pemain industri) bagi menggalakkan kemasukan projek-projek berimpak tinggi di Kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Justeru itu, pihak jabatan telah mencadangkan satu projek yang dinamakan 'Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'fast track' industri. Ini merupakan satu usaha dan inisiatif jabatan bagi memudahcara, meringkaskan dan mempercepatkan proses Kebenaran Merancang bagi mengatasi masalah kelewatan dan ketelusan dalam memproses permohonan Kebenaran Merancang di Kawasan industri. Manual ini adalah selaras dan mematuhi Seksyen 19(1) dan Seksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Tujuan manual ini disediakan khusus bagi kawasan industri yang telah mempunyai *Master Plan* / Pelan induk Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Majlis dengan mengambilkira perkara seperti berikut:

a) Mempunyai pelan lulus kerja tanah bagi pelan induk
b) Mempunyai kelulusan Jabatan alam Sekitar Negeri Selangor (JASS)
c) Mempunyai surat kelulusan ***Traffic Impact Assessment (TIA) dan Road Safety Assessment (RSA)***
d) Mempunyai tapak pembangunan yang telah menyediakan kemudahan infrastruktur dan rizab infra telah diserahkan kepada Kerajaan
e) Mempunyai suratan hakmilik individu.

Projek inovasi ini signifikan dan menyokong kepada halatuju dan matlamat seperti berikut:

### 2.3.1 Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026




Projek Sistem E Fastries adalah bertepatan dengan halatuju di dalam menyokong Pelan strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026, mensasarkan visi untuk menjadikan 'Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan''

Teras 1 : Melaksanakan tadbir urus yang cekap dan berintegiriti

Strategi : Membina dan menambahbaik tadbir urus bandar dan Penyampaian perkhidmatan. **(Lampiran 3)**

### 2.3.2 Misi, Objektif dan Strategi Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)

**Kaitan Dengan Misi, Objektif dan strategi Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)**

Misi MBDK : Melaksanakan **perkhidmatan berkualiti , berintegriti** serta tadbir urus dan perancangan bandar yang holistik denganmengutamakan elemen warisan dan sejarah. **(Lampiran 4)**

Objektif : Menjadikan Klang sebagai nadi pemangkin pembangunan

Strategi : a) Memperkemas dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan

b) Menggalakkan pertumbuhan industri dan perdagangan

### 2.3.3 Peringkat Kerajaan Persekutuan – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Penerapan "Sustainable Development Goals' (SDGs) di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, MBDK Projek E Fastries yang dihasilkan bertetapan dengan halatuju dan peranan Jabatan Perancang Bandar dan desa di dalam memperkasakakan "Sustainable Development Goals" (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah diadakan pada tahun 2015 mensasarkan sasaran universal :'MENGUBAH DUNIA KITA : UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN'. Antara matlamat SDGs dan Rasional Projek yang diterapkan di dalam projek E Fastries ini adalah :




Rajah 2.2: Matlamat Sustainable Development Goals

### 2.3.4 Rancangan Selangor Pertama 2021-2025

Rancangan Selangor Pertama 2021-2025 adalah selaras dengan ‘Smart Governance’ untuk menjadikan Kualiti Hidup Untuk Masyarakat Negeri Selangor




Rajah 2.3: Rancangan Selangor Pertama 2021 - 2025

### 2.3.5 Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (RSN)




Dasar - dasar RSN 2035 digubal untuk mencapai matlamat RSN Negeri Selangor 2035 untuk menyediakan kerangka pembangunan iaitu ke arah Pembangunan wilayah bandar berkembang maju, wilayah bandar mampan dan wilayah bandar Makmur. RSN 2035 adalag untuk mengekalkan momentum dan memastikan pembangunan ekonomi negeri Selangor berada di landasan pertumbuhan yang kukuh dan berkembang maju. Sebagai sebuah wilayah bandar berkembang maju, negeri Selangor perlu:

i. Mempunyai ekonomi yang produktif. Stabil dan mempunyai nilai tambah dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.
ii. Mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dana saing yang berkualiti tinggi.
iii. Menjana pertumbuhan ekonomi setempat yang tinggi bagi menjana pertumbuhan ekonomi mampan.

### 2.3.6 Jabatan Perancang Bandar & Desa

Membentuk strategi pembangunan yang komprehensif untuk mencapai suasana perbandaran yang mampan dan seimbang; menyediakan rangka pembangunan yang dapat berinteraksi secara harmonis dengan persekitarannya tanpa menimbulkan kacau ganggu atau kesan negatif jangka panjang. **(Lampiran 5)**

### 2.3.7 Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP)

**NIMP** merupakan projek yang akan memberi nafas baru dalam merencanakan hala tuju perindustrian negara bagi pertumbuhan fasa ekonomi negara seterusnya selaras dengan persekitaran global yang kian mencabar. **(Lampiran 6).**

### 2.3.8 Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder)

Projek inovasi ini dicadangkan adalah untuk memenuhi **kehendak pelanggan dan stakeholder (pemegang taruh)** dengan menambahbaik perkhidmatan bagi tujuan menjana ekonomi daerah Klang, Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

**Piagam: Memproses permohonan Kebenaran Merancang Pendirian bangunan industri secara 'Fast Track' dalam tempoh 2 - 4 minggu.**

a) Meningkatkan hasil organisasi – keyakinan pelabur terhadap perkhidmatan yan diberikan oleh organisasi akan meningkatkan jumlah pemain industri untuk membuat pelaburan baru atau tambahan di Daerah Klang.
b) Peringkat Jabatan - Jabatan Dalam Majlis Bandaraya Diraja Klang. Projek inovasi ini akan mempercepatkan proses pelan-pelan pemajuan yang lain di Jabatan dalam MBDK seperti berikut :-

#### 2.3.8.1 Peringkat Agensi

i. **Malaysian Investment Development Authority (MIDA)**
Projek ini juga adalah selaras dengan Hasrat Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan industri yan mementingkan untuk memudahcara urusan komuniti perniagaan dan para pelabur dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan termasuk mempercepatkan proses kelulusan termasuk memberi khidmat rundingan serta nasihat untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan awam. Inisiatif ini mengumpulka pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan serta pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung. **(Lampiran 6)**

**a) Invest Selangor Berhad**

- Kurang aduan / mesyuarat penyelarasan diadakan oleh pihak Invest Selangor bagi menanani masalah isu kelewatan proses Kebenaran Merancang.

**b) Pemilik Tanah**

- Dapat mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Merancang dalam tempoh 2 hingga 4 minggu.
- Meningkatkan keyakinan pelabur kepada perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi Majlis Bandaraya Diraja Klang.
- Pelabur / pemain industri berminat membuat pelaburan baru / tambahan kepada pelaburan sediada.
- Mempercepatkan proses pelan-pelan pembangunan yang lain.

### 2.3.9 Kaitan Dengan Keadaan Ekosistem Semasa

#### 2.3.9.1 Perubahan Ekonomi Global

Perubahan ekonomi global diasak oleh faktor seperti ketegangan geopolitik. Menangan inflasi serta serta peningkatan risiko kelembapan ekonomi. Ini akan

memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada pelabur dari dalam dan luar negara.

Selain itu juga Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan perubahan ekonomi. Semenjak kebelakangan ini, pelbagai kesan terhadap perubahan ekonomi negara, antaranya adalah seperti berikut :-

a) Virus Covid 19 ( aktiviti perdagangan)

Malaysia mengalami kesan negatif akibat Virus Covid-19 yang menyebabkan aktiviti perniagaan dan perindustrian terbatas akibat daripada arahan daripada kerajaan iaitu arahan kawalan Pergerakan.

b) Peningkatan kadar tarif elektrik

Tarif elektrik yang lebih tinggi untuk pengguna voltan sederhana serta tinggi telah menambah kos pengeluaran dan pekerjaan yang signifikan kepada kebanyakan perniagaan dan perindustrian.

## 2.4 PROSES PELAKSANAAN INOVASI

Proses pelaksanaan inovasi ini dilaksanakan secara 'In-House' apabila kumpulan E Fastries dibentuk iaitu bermula pada bulan Januari tahun 2022. Penghasilan **projek Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** mengambil masa selama **16 minggu** bermula bulan Januari 2022 sehingga April 2022 dengan merujuk kepada rajah seperti berikut:




Rajah 2.4: Pelan Tindakan Pembangunan Projek

## 2.5 PROSES SEBELUM DAN SELEPAS

### 2.5.1 Sebelum Projek

#### a) Kaedah Pemilihan Projek

Kumpulan telah mengenalpasti 3 senarai pendek masalah iaitu :-




Rajah 2.5 : Senarai Pendek Masalah

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan masalah yang telah disenarai pendek, Kumpulan telah membuat kajian 3 bulan sebelum terhadap tiga (3) masalah.Seterusnya bagi menentukan pemilihan projek, Matriks Keutamaan dan Teknik 5W1H dibangunkan bagi mendapatkan pemilihan masalah yang paling mungkin. Kumpulan telah memilih satu (1) masalah untuk dijadikan tajuk masalah iaitu **Kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang** sebagai masalah yang perlu diselesaikan berdasarkan kepada minit mesyuarat Kumpulan Bil 2/2022 bertarikh 28 Januari 2022. **(Lampiran 7).**

Jadual 2.1: Matriks Keutamaan

| Bil | PEMBERAT | X5 | X4 | X3 | X2 | X1 | JUMLAH MARKAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SENARAI PENDEK MASALAH | PENJIMATAN MASA | BERKAITAN DENGAN MATLAMAT JABATAN | BERKAITAN DENGAN KERJA | MUDAH MENGUMPUL DATA | DALAM KEUPYAAN KUMPULAN | |
| 1. | Pengusaha keliru dengan prosedur permohonan | 4X5<br>20 | 3X4<br>12 | 3X3<br>9 | 2X2<br>4 | 5X1<br>5 | 50 |
| 2. | Kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang | 7X5<br>35 | 5X4<br>20 | 6X3<br>18 | 5X2<br>10 | 8X1<br>8 | 91 |
| 3. | Maklumat perancangan yang semakin banyak | 7X5<br>35 | 5X4<br>20 | 4X3<br>20 | 4X2<br>20 | 6X1<br>6 | 81 |

| | |
|---|---|
| **WHAT**<br>**Apakah yang berlaku** | • Kelewatan memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan di kawasan industri. |
| **WHY**<br>**Mengapa ia menjadi masalah** | • Semua permohonan industri diproses menggunakan kaedah dan pendekatan yang sama walaupun telah mempunyai "Master Plan" |
| **WHEN**<br>**Bila ia berlaku** | • Semasa permohonan kebenaran merancang industri dikemukakan di kaunter OSC. |
| **WHERE**<br>**Di mana ia berlaku** | • Jabatan memperaku Bahagian Kawalan Pembangunan |
| **WHO**<br>**Siapa yang terlibat** | • Pengawai yang terlibat dalam memproses pelan Kebenaran Merancang |
| **HOW**<br>**Bagaimana ia berlaku** | • Kelewatan & sukar mendapatkan ulasan daripada jabatan dan agensi teknikal<br>• Proses kerja mengambil tempoh masa yang lama |

Rajah 2.6 : Teknik 5W1H

Kumpulan E Fastries telah menjalankan 50 kaji selidik kepada para pelanggan / responden berkenaan pengesahan isu yang telah dikenalpasti oleh kumpulan. Hasil soal selidik adalah seperti berikut:

Rajah 2.7: Kepuasan Pelanggan

| Sangat setuju | Setuju | Kurang setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| **5** | **4** | **3** | **2** | **1** |

| Bil | Soalan | Skala | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** |
| 1 | Pengusaha keliru dengan prosedur permohonan | 1 | | | | |
| 2 | Kelewatan memproses permohonan kebenaran merancang | | | | 12 | 35 |
| 3 | Maklumat perancangan yang semakin banyak | 2 | | | | |

**c) Penetapan Sasaran Outcome Dan Impak**

**i. Pengumpulan data sebelum projek**

Kumpulan telah membuat pengumpulan data melalui pemerhatian proses permohonan Kebenaran Merancang seperti berikut:

Jadual 2.2: Pengumpulan Data Sebelum Projek

| Jenis pengumpulan data | Pemerhatian |
|---|---|
| Proses kerja | Carta alir proses kerja yang digunakan |
| Keperluan ulasan jabatan teknikal | Keperluan ulasan 12 jabatan teknikal |
| Tempoh masa | 57 hari |
| Penyelarasan antara agensi penggalak pelaburan | Tiada |
| Pemantauan permohonan | Tiada |
| Rekod permohonan | Tiada |

**ii. Penetapan Sasaran Outcome dan Impak**

Berdasarkan kepada hasil pemerhatian seperti jadual 2.2 di atas, kumpulan telah menetapkan untuk menyelesaikan masalah seperti berikut:

Jadual 2.3: Penetapan Sasaran Outcome Dan Impak

| Jenis pengumpulan data | Pemerhatian |
|---|---|
| Proses kerja | Penyediaan satu **Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** yang telah mempunyai master pan / pelan induk. Proses kerja yan cepat, mudah dan efisien dihasilkan. |
| Keperluan ulasan jabatan teknikal | **Tiada keperluan ulasan jabatan teknikal** semasa kelulusan Kebenaran merancang. Hanya disyaratkan di dalam surat kelulusan C1 (Ulasan IWK, TNB, Air Selangor dan Bomba) |
| Tempoh masa | **2 - 4 minggu** |
| Penyelarasan antara agensi penggalak pelaburan | **Hebahan Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** kepada agensi penggalak pelaburan (Malaysian Investment Development Authority & INVEST Selangor Berhad) |
| Pemantauan permohonan | Proses kerja (Mengimbas qr code di dalam system permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track) |
| Rekod permohonan | Proses kerja (Mengimbas qr code' di dalam system permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track)) |

### iii. Sasaran dan Impak Projek

Jadual 2.4: Sasaran dan Impak Projek

| | |
|---|---|
| **Organisasi & ekosistem semasa** | • Memberikan perkhidmatan yang cepat, mudah dan efisien<br>• Meningkatkan hasil organisasi (Majlis Bandaraya Diraja Klang)<br>• Meningkat imej organisasi di kalangan pelabur/ pemain industri |
| **Pelanggan** | Kepuasan hati pelanggan berkaitan tempoh masa yang pendek untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang |
| **Stakeholder & dasar** | Menambahbaik proses kerja kearah meningkatkan kecekapan dan penyampaian perhidmatan |

## d) Tindakan Penyelesaian

**Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools**

Pasukan E Fastries menggunakan Kaedah 'Design Thinking' untuk tindakan penyelesaian masalah. Kaedah Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) adalah selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016: Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

Pelaksanaan Inovasi ini melalui kaedah **Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools**




Rajah 2.8: Design Thinking

Pasukan E Fastries menggunakan Kaedah 'Design Thinking' untuk tindakan penyelesaian masalah. Kaedah Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) adalah selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016: Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

Kaedah Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) ini dipilih oleh kumpulan memandangkan ia merupakan satu tool yang holistik dan berupaya menghuraikan setiap perincian proses pelaksanaan e-Fast ini. Setiap fasa dalam kaedah ini dapat disinergikan untuk menjana idea ke arah penyelesaian permasalahan secara kreatif,

praktikal dan efektif. Kaedah 'Design Thinking' ini merangkumi aspek E- Empathize, D-Define, I- Ideate, P-Prototype dan T-Test.

**i. E – EMPATHIZE – Mendalami masalah semasa di lapangan.**

Jadual 2.5 : Empathize

| | |
|---|---|
| **Impian** | i. Memudahkan merekod data maklumat tindakan memproses Kebenaran Merancang.<br>ii. Tindakan memproses permohonan menjadi cepat, mudah dan efisien.<br>iii. Memudahkan 'stakeholder'.<br>iv. Memudahkan kerja pemantauan secara konsisten dan merekod data permohonan Kebenaran Merancang dan merekod data dengan baik. |
| **Hindari** | i. Tempoh memproses Kebenaran Merancang lebih lama kerana menunggu ulasan agensi teknikal.<br>ii. Data maklumat tidak tersusun dan sistematik.<br>iii. Kos percetakan dan kos-kos lain. |
| **Kata dan lakukan** | i. Dapat memudahkan perkongsian maklumat bersama agensi teknikal dalam dan luaran. |
| **Lihat** | i. Ulasan agensi teknikal yang banyak dan mengambil masa yang lama untuk memberi ulasan.<br>ii. Tiada 'platform' bersepadu untuk memantau proses kerja.<br>iii. Pemilik tanah/pengusaha/pelabur / pemain industri menunggu masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. |
| **Dengar** | i. Majlis Bandaraya Diraja Klang / organisasi mendapat aduan berkenaan tempoh memproses Kebenaran Merancang industri mengambil masa yang lama.<br>ii. Permohonan lewat akibat ulasan agensi teknikal.<br>iii. Sukar membuat pemantauan ke atas permohonan Kebenaran Merancang industri |
| **Fikir dan rasa** | i. Pengusaha/pemilik tanah menunggu masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan.<br>ii. Menunggu ulasan daripada agensi teknikal.<br>iii. Ketidakpuasan hati pelanggan |

**ii. D – DEFINE – Menganalisis maklumat yang diperolehi dan membuat pandangan (point of view) terhadap isu yang dihadapi**

Berdasarkan daripada analisa proses empati, kumpulan telah mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan/pengguna dan telah menyusun masalah tersebut dengan lebih sistematik. Hal ini bagi memudahkan kumpulan membangunkan inovasi yang ingin dijalankan menepati kehendak pelanggan/pengguna. Penggunaan teknik *Point of View* (POV) seperti dalam Jadual di bawah :

Jadual 2.6 : Define

| Siapa pengguna | Keperluan pengguna | Pandangan |
|---|---|---|
| Pengusaha/ pemilik tanah/ pelabur/ pemain industri/perunding yang hendak membangunkan projek | Mendapatkan kelulusan dengan cepat | Dapat mengurangkan tempoh masa memproses pelan |
| Kakitangan yang memproses | Memproses Kebenaran Merancang mengambil masa yang lama disebabkan menunggu semua ulasan jabatan teknikal | Semakan semula keperluan ulasan jabatan teknikal. |

**iii. I – IDEATE percambahan idea utama penyelesaian**

Ideate bermaksud selepas proses mengenal pasti masalah menentukan idea kreatif dan praktikal untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang telah dikenal pasti sebelum ini. Kumpulan menggunakan teknik *How Might We* untuk penghasilan idea-idea penyelesaian seperti dalam Jadual di bawah.

Jadual 2.7 : Ideate

| Bil | Rumusan POV | *How Might We* (Idea Penyelesaian) | Analisa Kebaikan dan Keburukan | Keputusan (Terima / Tolak) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penambahbaikan proses kerja (57 hari) semua permohonan pelbagai kategori (perumahan, industry dan perniagaan) daripada biasa kepada manual fast track khas bagi kawasan industri yang mempunyai master plan/ pelan induk | Memudahkan proses kerja lebih cepat, mudah dan efisien | Kebaikan<br>Menjimatkan tempoh masa proses kerja<br><br>Keburukan<br>Kos percetakkan manual<br><br>Pertambahan kos kepada pengusaha dan perunding untuk membeli manual | Diterima |

### iv. TEKNIK SCAMPER

Teknik SCAMPER digunakan bagi mendapatkan alternatif Cadangan penyelesaian. Kriteria yang ditetapkan oleh kumpulan adalah **penambahbaikan proses permohonan Kebenaran Merancang pendirian bangunan perindustrian secara 'Fast Track'.**




Rajah 2.9 : Teknik Scamper

### e) Penghasilan dengan Pengujian Prototaip

Pelan tindakan pembangunan projek dari peringkat penyediaan lakaran sehingga tindakan susulan telah dirangka seperti dalam Jadual di bawah:-

Jadual 2.8 : Jadual Carta Perbatuan Pelan Tindakan Pembangunan Inovasi

| AKTIVTI | PERANCANGAN | TAHUN | 2022 | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | SEBENAR | BULAN | JAN | | | | FEB | | | | MAC | | | | APRIL | | | |
| | AKTIVITI | MINGGU | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| DO | MENYEDIAKAN LAKARAN PROJEK | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | MENYEDIAKAN PELAN SPESIFIKASI PROJEK | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | UJICUBA KUMPUL DATA PENAMBAHBAIKAN | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| CHECK | PEMANTAUAN (PENILAIAN AGENSI) | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | ANALISA IMPAK | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| ACTION | TINDAKAN PENYERAGAMAN | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | TINDAKAN SUSULAN | | | | | | | | | | | | | | | | | |




Rajah 2.10 : Pelan Tindakan Pembangunan Projek

### f) Proses Membentuk Prototaip

Proses kerja sebelum projek mengambil masa 57 hari dan memerlukan ulasan jabatan teknikal sebanyak 12 jabatan. Proses kerja adalah seperti berikut:-




Rajah 2.11: Carta Alir Proses Kerja

Proses membentuk prototaip Manual Fast Track seperti yang ditunjukkan di Rajah 3.2 dibawah:

### i. Test / Uji Cuba Pertama

